



**PERDANA MENTERI**, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menyampaikan satu set duit syiling Peringatan 25 Tahun Merdeka kepada Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada Ogos 1982.



**TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA** mengadakan pertemuan dengan Lord Mayor Of London, Sir Gilbert Inglefield dan Lady Inglefield di Guildhall, London pada 18 Jun 1968.

# Bapa Kemerdekaan Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj

Oleh WARTAWAN UTUSAN



**A**LMARHUM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Yang Dipertua UMNO yang kedua, lahir pada 8 Februari 1903 di Istana Pelamin, Alur Setar, Kedah.

Almarhum mula memegang jawatan itu pada 26 Ogos 1951 apabila Yang Dipertua UMNO pertama, Datuk Onn Jaafar melepaskan jawatan tersebut akibat berlaku perbezaan pendapat dengan para pemimpin tertinggi parti.

Jawatan itu dipegang selama kira-kira 20 tahun sebelum melepaskannya dalam Perhimpunan Agung UMNO pada Januari 1971.

Selain menukar slogan UMNO iaitu "Hidup Melayu" kepada "Merdeka", Tunku juga memulakan gabungan permuafakatan di antara UMNO dengan MCA dan seterusnya MIC. Ia dilakukan melalui Perikatan.

Langkah tersebut diambil bagi memudahkan usaha mencapai kemer-

dekaan.

Apabila kemerdekaan dicapai pada 31 Ogos 1957 Almarhum dilantik menjadi Perdana Menteri yang pertama.

Selepas merdeka, Almarhum 'melahirkan' pula Malaysia pada 16 September 1963 dengan membawa masuk Sabah, Sarawak dan Singapura ke dalam Malaya.

Almarhum juga mengambil pelbagai usaha membendung gerakan komunis di negara ini. Selain Rundingan Baling yang diadakan pada 1955, Almarhum juga menjalankan pendekatan-pendekatan lain termasuk secara militer, pengampunan secara beramai-ramai dan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Almarhum turut memulakan idea penubuhan Persatuan Asia Tenggara (ASA) dan seterusnya ASEAN pada 8 Ogos 1967.

Almarhum meletakkan jawatannya sebagai Perdana Menteri pada 22 September 1970 ekoran tercetusnya tragedi 13 Mei 1969 dan tidak mempertahankan jawatannya sebagai Presiden UMNO dalam Perhimpunan Agung parti pada 1971. Jawatannya diganti dengan Allahyarham Tun Abdul Razak Datuk Hussein.

Almarhum mangkat pada 6 Disember 1990.



**TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA** mencuba sebuah motorikal pada tahun 1960-an.



**PARA** pemimpin UMNO lama dan baru berbual mesra sebelum perasmian Persidangan Agung UMNO. Dari kiri Suhaimi Kamarudin, Sulaiman Ninam Shah, Tengku Razaleigh Hamzah, Tunku Abdul Rahman Putra, Hussein Onn dan Dr. Mahathir Mohamad.